

BAB 2

TINJAUAN LITERATUR

2.0 PENGENALAN

Bab ini mengemukakan penulisan dan kajian-kajian yang telah dijalankan berkaitan dengan bidang kajian. Tinjauan ini dikelompokkan kepada tiga subbidang, iaitu konsep nilai, kesusasteraan dan nilai, dan ulasan terhadap kajian yang lepas.

2.1 KONSEP NILAI

Persoalan-persoalan tentang nilai yang merupakan cabang falsafah adalah persoalan sejagat dan telah menjadi topik perbincangan sejak aliran Sophists zaman falsafah etika Greek terawal pada 450-400 S.M. lagi (Mohd. Nasir Omar, 1986: 33). Namun demikian, oleh kerana nilai merupakan sesuatu yang subjektif berkaitan dengan falsafah kemanusiaan, maka penentuan tentang konsep nilai dan apa yang dikatakan baik dan buruk berubah-ubah mengikut kefahaman dan kepentingan individu atau masyarakat yang mendukungnya. Dalam hal ini, Louis E. Raths *et al.* (1966) menyatakan:

'The meaning of the term "value" is by no means clear in the social sciences or in philosophy. One can find concenses for no definition. About the only agreement that emerges is that value represents something important in human existence.'

(Louis E. Raths *et al.*, 1966: 9)

Milton Rokeach (1973) mendefinisikan nilai sebagai kepercayaan berkaitan dengan sesuatu mod perlakuan atau keadaan mutakhir yang diinginkan. Kepercayaan tentang sesuatu mod perlakuan dinamakan sebagai nilai instrumental, manakala keadaan mutakhir yang diinginkan dinamakan sebagai nilai hakiki. Menurut beliau, terdapat dua jenis nilai mutakhir iaitu nilai moral dan nilai keupayaan. Nilai moral berkaitan dengan mod-mod perlakuan dalam hubungan sesama manusia berdasarkan peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh masyarakat. Melanggar nilai-nilai moral akan membuatkan seseorang itu rasa bersalah. Nilai keupayaan berfokuskan kepada hubungan dalam diri individu itu sendiri. Melanggar nilai ini akan membuatkan seseorang itu rasa malu tentang keupayaannya sebagai seorang individu.

Rokeach mengklasifikasikan nilai hakiki kepada dua jenis, iaitu nilai individu dan nilai sosial. Beliau berpendapat bahawa nilai tidak mempunyai kestabilan yang mutlak kerana perubahan individu dan sosial menyebabkan perubahan nilai. Oleh hal yang demikian, seseorang itu akan berpegang kepada keutamaan nilai sama ada mengutamakan nilai individu atau nilai sosial dalam hubungan mereka.

Rokeach berpendapat bahawa nilai terdiri daripada tiga komponen, iaitu komponen kognitif, afektif dan tingkah laku. Komponen kognitif berkaitan dengan

kebolehan untuk memahami sesuatu perkara atau perlakuan atau matlamat yang ingin dicapai. Nilai bersifat afektif kerana ia berkaitan dengan perasaan. Komponen tingkah laku merangsang tingkah laku bagi mencapai keinginan dan motif.

Menurut Jack R. Fraenkel (1977: 6-7), nilai adalah suatu konsep tentang apa yang difikirkan mustahak dalam kehidupan. Apabila seseorang menganggap sesuatu itu bernilai, ia menganggapnya berharga untuk memiliki, melakukan atau mendapatkannya. Nilai tidak wujud dalam perlakuan manusia, tetapi wujud dalam pemikiran seseorang dan merupakan suatu standard tentang tingkah laku, kecantikan, kecekapan atau kebaikan. Setiap orang mempunyai nilai, walaupun mereka tidak sentiasa sedar tentang aspek-aspek nilai tersebut. Sebagai suatu standard, nilai-nilai moral bertindak sebagai panduan tentang apa yang betul dan adil.

Peter Bealz (1977) pula menjelaskan bahawa perbincangan tentang nilai moral adalah berkaitan dengan persoalan betul atau salah, benar atau tidak dan apakah yang perlu dibuat atau apa yang harus ditinggalkan terhadap sesuatu perkara dalam sesuatu keadaan. Pertimbangan moral biasanya bergantung kepada suasana dan keadaan di mana seseorang itu dibesarkan, kelas atau sistem sosial serta agama yang dianutinya.

V. Narayan Karan Reddy (1979) berpendapat nilai adalah kebenaran yang hakiki. Ia adalah suatu norma dan merupakan standard yang kekal abadi atau matlamat dalam kehidupan yang sangat diperlukan bagi perkembangan dan pembangunan manusia. Ia merupakan suatu pengukuran tentang segala kebaikan dalam kehidupan. Makna nilai tidak statik dan berubah mengikut keperluan semasa dengan kemunculan

konsep-konsep baru, tetapi asas pendekatannya adalah sama sepanjang masa. Oleh yang demikian, manusia pada setiap peringkat kesedarannya akan sentiasa mencuba untuk memahami nilai.

Beliau berpendapat bahawa nilai-nilai sains empirikal dan nilai-nilai falsafah adalah sama. Seterusnya beliau membahagikan nilai kepada tiga jenis iaitu nilai fizikal, nilai ekonomi dan nilai kejiwaan. Nilai fizikal biasanya difahami oleh semua orang merupakan alat atau saluran untuk mendapatkan sesuatu merangkumi segala objek dan aktiviti fizikal. Nilai ekonomi yang juga mendapat perhatian ramai merupakan alat atau saluran untuk mendapatkan sesuatu. Pendidikan adalah merupakan alat dalam organisasi nilai ekonomi ini. Dalam masyarakat yang pesat berkembang dari segi bilangan dan kemahuannya, nilai ekonomi mempunyai makna yang berbeza sama sekali di mana kini telah wujud kecenderungan terhadap kebendaan. Oleh itu, ekonomi hendaklah dianggap hanya sebagai cara dan bukan matlamat akhirnya. Nilai kejiwaan merupakan nilai yang lebih tinggi. Nilai ini mengawal setiap perlakuan manusia. Nilai ini selanjutnya boleh dipecahkan kepada nilai intelektual (kebenaran), nilai etika (kebaikan) dan nilai estetik (kecantikan).

Kebenaran adalah keunggulan yang dapat diterima oleh akal, hakikat yang mutlak, dan ujian sesuatu kejadian. Perjalanan dan kehidupan manusia dikawal oleh nilai-nilai tertentu yang kekal abadi, dan yang paling unggul ialah kebenaran. Perkembangan manusia bergantung pada kebenaran ini. Kebaikan adalah hakikat dalaman, norma yang standard dan kesempurnaan yang mutlak. Pendidikan sebagai suatu perantaraan nilai akan memudahkan kefahaman tentang makna kebenaran,

kebaikan dan kecantikan. Manakala penilaian terhadap nilai kecantikan boleh berbentuk subjektif, objektif atau kedua-duanya.

John Paul McKinney (1980: 202-203) menerangkan konsep nilai dengan membuat penjelasan bagaimana nilai berbeza dengan keunggulan, keperluan, sikap dan minat yang menurutnya sering menimbulkan kekeliruan. Menurutnya, nilai berbeza dengan keunggulan kerana keunggulan tidak sentiasa melibatkan pilihan, sebaliknya nilai melibatkan pilihan. Budaya di mana seseorang itu dibesarkan boleh berpegang kepada beberapa keunggulan yang tertentu, tetapi ianya akan hanya menjadi nilai pegangan individu jika seseorang itu menggunakan keunggulan tersebut sebagai cara peribadi dalam membuat pilihan.

Nilai juga boleh dibezakan dengan kepercayaan. Kepercayaan merujuk kepada benar atau tidak benar, betul atau salah sesuatu perkara itu. Tetapi nilai merujuk kepada penerimaan atau penolakan berdasarkan penilaian seseorang terhadap objek atau tingkah laku sama ada baik atau buruk, diingini atau tidak diingini dan betul atau salah.

Menurut McKinney, nilai adalah persoalan yang kompleks yang melibatkan kesedaran, persetujuan, pemilihan dan perlakuan. Elemen persetujuan yang membezakan nilai dengan kepercayaan, elemen pemilihan membezakan nilai dengan keunggulan-keunggulan budaya, manakala elemen kesedaran merupakan elemen yang membezakan nilai dengan keperluan-keperluan asas. Elemen kesedaran inilah yang membezakan manusia dengan binatang, walaupun kedua-duanya mempunyai keperluan.

Sikap bersifat spesifik, manakala nilai lebih bersifat sejagat yang merangkumi keseluruhan sikap. Kedua-duanya saling berkaitan dan melengkapkan di antara satu sama lain, di mana sikap merupakan manifestasi pegangan nilai.

Nilai tidak mudah berubah berbanding dengan minat. Minat adalah manifestasi nilai. Minat menyerupai keinginan kognitif yang memandukan tindakan dan penilaian diri sendiri dalam hubungan dengan orang lain. Walau bagaimanapun ia adalah konsep yang lebih sempit daripada nilai kerana minat tidak boleh dikelaskan sebagai mod tingkah laku yang unggul atau keadaan mutakhir yang diingini.

Berdasarkan penjelasan-penjelasan tentang perbezaan-perbezaan di antara nilai dengan keunggulan, keperluan, sikap dan minat, beliau merumuskan bahawa nilai adalah unit-unit kognitif yang digunakan dalam penilaian tingkah laku berkaitan dengan baik/buruk, sesuai/tidak sesuai, dan betul/salah. Konsep “apa yang sepatutnya” dan bukannya konsep “apakah” adalah dasar persoalan nilai.

Sufean Hussin (1995: 9) menyatakan bahawa nilai adalah idea tentang kepentingan, faedah, mutu dan kebertilakan tentang segala benda, perkara dan fenomena yang terdapat dan berlaku di dalam alam semesta ini. Nilai adalah aspek kualitatif dan subjektif hasil pertimbangan pemikiran dan emosi manusia tentang pengalamannya dalam proses interaksi dengan alam sekitar dan masyarakat manusia. Hasil dari pertimbangan pemikiran dan emosi, maka manusia meletakkan sesuatu nilai kepada segala apa yang dialaminya. Perkara-perkara yang mendatangkan faedah, keseronokan dan kesejahteraan akan dikatakan sebagai nilai “baik atau bagus”, sebaliknya perkara-

perkara yang mendatangkan kemudharatan dan yang mengganggu kesejahteraan hidup dikatakan sebagai nilai “buruk atau jahat”.

Menurutnya lagi, manusia adalah insan yang berakal dan boleh berfikir dengan rasional. Oleh yang demikian, langkah terpenting yang menjamin kemungkinan mudahnya berlaku penerapan nilai-nilai ke dalam sanubari individu manusia adalah melalui pemupukan kesedaran tentang matlamat kewujudan manusia, kepentingan menghargai dan memelihara status dan harga diri dan kepentingan kerukunan hidup manusia sejagat. Pemupukan kesedaran ini berkaitan dengan aspek rohaniah manusia. Melalui perantaraan akal keupayaan untuk membuat pertimbangan bagi membezakan nilai-nilai yang positif dan nilai-nilai yang negatif melambangkan keseimbangan akal dan rohaniah. Sebaliknya rohani yang kusut dan sakit kesan dari nilai-nilai keburukan, maka manusia akan terhindar dari nilai-nilai kebaikan dan buruklah pekertinya (Sufean Hussin, 1995: 33-34).

Nik Azis Nik Pa (1994) pula menghuraikan nilai sebagai:

“Kriteria atau pengkonsepian yang digunakan oleh seseorang dalam menentukan perkara-perkara (termasuk objek, idea, tingkah laku, prosedur, perasaan, dan peristiwa) yang diinginkan atau tidak diinginkan (seperti kecantikan, kebaktian, kualiti, faedah, taraf, kebaikan, keindahan, kebahagiaan, kemuliaan, dan kesihatan). Nilai membabitkan satu set idea atau prinsip yang membantu individu membezakan perkara yang baik dengan yang buruk, dan kemudiannya bertindak mengikut pemilihan yang berasaskan perbezaan tersebut.”

(Nik Azis Nik Pa, 1994: 281)

Menurut Nik Azis, sumber dan kedudukan nilai dalam sesebuah masyarakat memberi ukuran dan kriteria dalam menentukan sama ada sesuatu tingkah laku itu baik atau buruk. Bagi sesetengah masyarakat, sumber nilainya dibentuk berdasarkan tradisi keagamaan, manakala dalam masyarakat yang lain pula menggunakan pengalaman dan akal fikiran sebagai dasar pembentukan nilainya (Nik Azis Nik Pa, 1994: 281).

Kriteria yang digunakan oleh masyarakat untuk memutuskan sama ada sesuatu nilai itu positif atau negatif bergantung pada norma atau tanggapan atau standard yang dapat diterima oleh anggota masyarakat yang berkenaan. Kriteria ini mungkin berbeza di antara masyarakat yang berbeza dan mungkin juga berbeza dalam suatu masyarakat yang sama dengan perubahan masa hasil dari kepercayaan masing-masing (Syed Othman Al-Habshi, 1994 :10).

Sistem nilai bukan sahaja merangkumi nilai-nilai yang didokong oleh sesuatu masyarakat tetapi juga kriteria dan cara bagaimana masyarakat memberi justifikasi tentang suatu perkara itu. Dalam kebanyakan masyarakat sekular, nilai tidak di pengaruhi oleh kepercayaan agama kerana pemisahan di antara sekular dengan agama atau di antara kejiwaan dengan kebendaan. Oleh kerana sistem nilai yang bebas dari ikatan keagamaan itu maka nilai akan berubah mengikut perubahan masa kerana masyarakat mempunyai kecenderungan terhadap nilai-nilai yang tertentu atas sebab-sebab yang tertentu yang mungkin bersifat sementara.

Dari perspektif Islam, sistem nilainya yang ditentukan oleh Allah adalah bersandarkan tiga prinsip asas iaitu tauhid, khalifah dan keadilan. Al-Quran dan al-

Hadith adalah asas atau kriteria bagi menilai sesuatu perkara itu sama ada baik atau buruk, dan benar atau salah. Pegangan inilah yang mengawal sistem kepercayaan, peribadi dan tingkah laku seseorang Muslim dalam semua perlakuannya. Manusia sentiasa diingatkan tentang kewujudan Allah dan hendaklah berpegang kepada rukun-rukun keislaman yang akan memimpin mereka ke jalan yang benar. Sistem kepercayaan ini bukan sahaja mempengaruhi tingkah laku tetapi juga peribadi seseorang individu yang akan menghasilkan perlakuan fizikal yang spontan dan konsisten. Berbeza dengan sistem nilai sekular, sistem nilai Islam kekal sepanjang masa dan bersifat universal (Syed Othman Alhabshi, 1994: 7).

Syed Ali Ashraf (1994) dalam merumuskan konsep nilai dalam Islam menghuraikannya seperti berikut:

‘... mempunyai sifat yang universal (kesejagatan) dan sifat keobjektifan. Ia bukanlah kesedaran subjektif terhadap seseorang individu atau satu kelompok atau ras. Islam menekankan tradisi sejagat yang amat lama dan memperkuat skema nilai yang dipegang oleh semua agama dunia. Ia menekankan bahawa dasar nilai yang akhir dan matlamat asas yang akhir bagi nilai ialah konsep hubungan manusia dengan Tuhan, kemanusiaan dan alam. Ini bermakna dalam hubungan ini manusia hendaklah menguasai ilmu. Ini dapat dilakukan melalui pemahaman sifatnya sendiri, sifat Allah dan ciri dunia universal. Hanya dengan pemahaman terhadap antara hubungan ini dia dapat menentukan peranan dan fungsinya sendiri.’

(Syed Ali Ashraf, 1994: 21)

Ada juga segelintir ahli fikir yang menganggap pengalaman manusia, kebolehan untuk mengetahui sesuatu tanpa berfikir dan mengkaji (*intuition*) dan akal sebagai kriteria yang boleh menilai sesuatu perkara itu betul atau salah. Walaupun manusia

boleh memberi pengetahuan tentang betul atau salah, namun pengetahuan yang diberikan masih tidak sempurna, bias, terhad dan bercanggah. Hal ini demikian disebabkan oleh kelemahan sifat-sifat manusia itu sendiri. Pengalaman, intuisi, dan akal manusia tidak boleh mengatasi wahyu Allah tetapi perlu dijadikan alat untuk memahami kehendak wahyu atau menterjemahkan wahyu kepada realiti yang ada. Dalam erti kata lain, bukan semua nilai-nilai kebaikan dan keburukan yang dicapai oleh akal, pengalaman, intuisi dan sebagainya salah menurut Islam. Tetapi apa yang salahnya adalah berpegang kepada satu-satu aspek kebenaran yang relatif sebagai kebenaran yang mutlak dan universal, kerana kebenaran yang mutlak dan sejagat itu hanya kepunyaan Allah sahaja. Sebab itulah, nilai-nilai kebaikan sejagat ini diwahyukan oleh Allah kepada manusia kerana manusia tidak akan sampai atau bercanggah memahaminya (Mohd. Nasir Omar, 1986).

2.2 KESUSASTERAAN DAN NILAI

Menurut Noriah Taslim (1996), sastera sebagai pembina moral dan pengasuh etik yang mulia sudah berlarutan dibicarakan sejak zaman Plato dan Aristotle lebih 3000 tahun dahulu. Sastera sebagai “dunia nilai-nilai” (*realm of values*) yang bersabit dengan keunggulan-keunggulan moral dan sifat-sifat kemanusiaan yang terpuji sebenarnya menjadi inti wacana sastera sejak epik Gilgamesh dicipta beribu tahun sebelum Plato dan Aristotle.

Sejarah telah membuktikan bahawa kesusasteraan dapat memberi sumbangan yang besar dan memainkan peranan yang penting dalam usaha pembangunan sesuatu bangsa. Pemberontakan Perancis yang menimbulkan pergolakan di Eropah kira-kira lima abad yang lalu tumbuh dari bibit pemberontakan yang ditanam oleh Montesquieu, Voltair dan Rousseau dalam karya masing-masing. Zaman pembangunan Eropah seluruhnya yang terkenal dengan nama Zaman Renaissance turut dipelopori oleh sasterawan-sasterawan dan seniman-seniman yang memberontak hendak membebaskan diri dari kebiasaan-kebiasaan lama dan menimbulkan konsep-konsep baru dalam kebudayaan peradaban. Menurutny lagi, di Malaysia, kesusasteraan berperanan penting untuk menyemarakkan api nasionalisme sehingga menimbulkan tenaga raksasa rakyat memperjuangkan kemerdekaan. Manakala selepas merdeka, sasterawan melaksanakan tanggungjawab membangunkan manusia (Keris Mas, 1976).

Menurut Muhammad Haji Salleh (2000: 47), sastera bukan hanya berfungsi sebagai penghibur tetapi juga membantu mendidik manusia ke arah nilai-nilai yang mulia. Sastera yang diisi dengan wadah rohaniah dan akliah dapat menggerakkan manusia berfikir dan seterusnya bertindak ke arah kesempurnaan, kemajuan dan kebaikan.

Sastera mempunyai hubungan yang rapat dengan masyarakat, kerana sastera mencerminkan dan memancarkan permasalahan yang berlaku dalam sesebuah masyarakat (Ramli Isin, 1996). Karya sastera membicarakan apa yang berlaku dan apa yang dilihat pada sesuatu masyarakat sambil mengemukakan sikap dan pandangan pengarangnya. Dari sudut ini maka sastera dilihat sebagai sama-sama terlibat dengan

pergolakan-pergolakan yang berlaku dalam masyarakat tersebut dan berfungsi utilitarian. Sastra boleh digunakan sebagai alat untuk membentuk pemikiran, mempertingkatkan kesedaran serta penilaian masyarakat akan realiti sekitarnya yang akan mendorong mereka untuk mengubah realiti pada bentuk yang diinginkan.

Mana Sikana (1990) menyatakan hal tersebut dari perspektif peranan sasterawan seperti berikut:

‘... Tugas sasterawan atau pengarang ialah memperdalam dan memperluaskan lagi kesedaran dan keinsafan orang-orang lain tentang diri mereka sendiri dan tentang masyarakat yang mereka diami, mendidik dan membimbing orang-orang lain ke arah kemajuan kemerdekaan, membela keadilan dan kesucian, membentuk budi pekerti yang luhur dan mempertinggikan peradaban bangsa.

Kalau sasterawan itu berada dalam masyarakat yang pincang, maka di antara cerdik pandai yang lainnya sasterwan juga mempunyai tugas yang besar. Dia seharusnya melalui karangan-karangannya dapat menyatakan tentang kepincangan itu dan mendidik rakyat menginsafi kepincangan masyarakat agar berjuang ke arah kebaikan.

Kalau sasterawan itu ada di sebuah negeri yang dijajah, yang rakyatnya mempunyai cita-cita untuk mencapai kemerdekaan, maka sasterawan itu selain dari para pemimpin, harus berada di tengah-tengah rakyat dan memperjuangkan cita-cita itu dengan menambah kesedaran dan keinsafan rakyat.

Kalau sasterawan itu berada dalam satu masyarakat di mana rakyat banyak yang miskin, lapar dan menderita, maka kewajipan sasterawan itu, selain daripada menyuarakan penderitaan rakyat itu, ialah juga menerangkan kepada rakyat yang lapar dan miskin itu tentang sebab musababnya maka terjadinya kelaparan dan kemiskinan dan penderitaan yang menekan hidup rakyat.’

(Mana Sikana, 1990:33)

Menurut Shahnnon Ahmad (1994), pokok persoalan karya sastra ialah bertanggungjawab kepada manusia. Pengarang yang hanya mementingkan daya kreativitinya sahaja dan ingin merebut kebebasan kreativiti tanpa memperhitungkan manusia yang menjadi persoalan dalam karyanya, tanpa memikirkan kesan yang bermakna pada penerima karyanya adalah pengarang yang tempang dan pengarang yang tidak cukup komposisi kepengarangannya. Karya sastra yang sebegini tidak bersifat seni yang sebenar kerana ia tidak memberi sebarang sumbangan dalam meningkatkan martabat manusia.

Kesusasteraan adalah keperihalan manusia yang diungkapkan melalui bahasa yang indah. Aspek kemanusiaan yang paling penting yang menjadi matlamat pendidikan yang sebenar ialah pembinaan akhlak yang baik selaras dengan pembinaan atau fitrah manusia. Membunuh kemanusiaan atau meminggirkan kemanusiaan dalam kegiatan sastra tidak akan membawa makna apa-apa selain kepesonaan yang kosong daripada kegerlapan bahasa dan strukturnya. Hanya pengarang yang kembali memaksikan kemanusiaan dengan memperalat bentuk dan bahasa sahaja akan menyarankan kesusasteraan yang bermakna.

Menurut Affendi Hassan (1992), kesusasteraan apabila didekati dengan betul seperti yang dimaksudkan dan dikehendaki oleh Islam akan memberikan kesan pendidikan yang mendalam dalam pembinaan sikap yang betul, akal yang sihat, rohani yang bersih daripada syirik dan pembentukan peribadi yang beradab. Hal ini demikian kerana kesusasteraan mencerminkan kebenaran. Fungsi kesusasteraan adalah bagi melahirkan karya yang indah dari segi cara dan tekniknya serta bermakna dalam

memberikan pengertian yang benar dan mendalam tentang manusia. Keunggulan ciptaan kesusasteraan itu tidak dinilai dari segi lahirnya semata-mata tetapi dinilai dari segi keindahan susunan dan kebenaran perutusannya.

Shahnon Ahmad yang dipetik oleh Mohd. Yusof Hasan (1990:130) mengatakan bahawa karya sastra merupakan satu unsur pendidikan yang dapat membina manusia ke arah pembangunan. Pembangunan ini seharusnya memperlihatkan kebenaran berdasarkan Islam, memperlihatkan kejujuran, memperlihatkan pertentangan di antara kebenaran dan kebatilan, memperlihatkan kebaikan dan kejahatan manusia supaya manusia dapat menilai yang mana yang baik dan yang tidak baik berdasarkan Islam.

Mohd. Kamal Hassan (1991:54) menekankan penghasilan sastra yang bertujuan, antara lain, meninggikan apresiasi manusia tentang semua nilai yang baik, murni dan diredai oleh Tuhan. Sastra yang tinggi nilainya ialah yang boleh mendorong ke arah pencapaian tingkat ketakwaan, kemakrufan, kesalihan dan budi yang lebih mantap. Tambahnya lagi, pengarang tidak diberi peranan lain selain pengabdian kepada tujuan-tujuan Ilahi dan kekhalifahan dunia atas nama Tuhan. Tambahan pula daya ciptanya, imajinasinya, akalanya, intuisinya dan lisannya bukan diciptanya sendiri, tetapi dianugerah oleh Tuhan kepadanya sebagai barang-barang amanah yang penggunaannya harus dipertanggungjawabkan "kemudian hari" kepada Pencipta yang sebenarnya.

Sastra yang dituntut oleh Islam memperlihatkan pertemuan yang sempurna di antara kebenaran, kebaikan dan keindahan bahasa. Keindahan bahasa berfungsi bukan

semata-mata untuk menimbulkan kesan estetika malah berkhidmat untuk memperjelas segala nilai dan aspirasi kebenaran yang universal dan abadi.

Berdasarkan iman, takwa dan amal salih, pengarang akan menjelajah berbagai-bagai daerah pengalaman insan, dari pengalaman yang indah kepada pengalaman yang amat *profane*. Penggambaran sesuatu yang *profane* itu bukanlah sekadar hanya mencerminkan realiti duniawi itu, tetapi mengandungi mesej tertentu tentang nilai baik dan buruk, tentang cita-cita dan aspirasi ke arah yang luhur dan indah di sisi Tuhan, dan tentang tujuan yang benar-benar bererti dalam kehidupan manusia. Dengan yang demikian, manusia akan cuba untuk mengatasi hidup yang *profane* menuju kepada yang lebih baik, lebih indah dan lebih menepati apa yang dituntut oleh Penciptanya.

Menurut Anwar Ibrahim (1991), penghasilan karya sastera mencabar daya imaginasi dan kekuatan intelek pengarangnya. Karya sastera yang baik mampu mempengaruhi cara manusia berfikir dan menduduki tempat yang tinggi dalam dunia budaya. Peranan sastera begitu berpengaruh dan muncul sebagai kekuatan. Setiap sesuatu yang muncul sebagai sesuatu kekuatan harus diimbangi oleh kekuatan moral. Menurut:

Sementara kita menganjurkan penerokaan daya imaginasi ke daerah-daerah baru, kita juga harus sedar bahawa imaginasi sahaja tidak boleh menjadi ukuran segala-galanya. Krisis yang dialami oleh sains ialah kerana menjadikan indera sebagai ukuran muktamat. Maka sastra juga tidak boleh terperangkap dengan kekeliruan yang serupa. Sebagaimana tidak mungkin ada sains tanpa eksperimen, maka tidak mungkin ada sastra tanpa imaginasi, tetapi sebagaimana sains telah menemui jalan buntu kerana terlalu dogmatis kepada indera, maka sastra juga mungkin berhadapan dengan krisis jika terlalu fanatik dengan imaginasi. Dimensi moral harus sentiasa hidup dalam sastra.

(Anwar Ibrahim, 1991: 51)

Dalam konteks pendidikan negara, pendidikan kesusasteraan mempunyai peranan yang penting bagi mencapai matlamat pendidikan. Pendidikan kesusasteraan dapat membantu pelajar untuk mengenali, memahami dan menyelami cita rasa dan hati budi masyarakatnya. Proses interaksi dengan kehidupan yang digambarkan dalam karya-karya sastra dapat mempertajamkan keperibadian dan meningkatkan kepekaan diri pelajar untuk sama-sama merasai dan berkongsi rasa hati masyarakatnya. Walaupun tujuan-tujuan moral merupakan tujuan yang amat penting, namun tujuan-tujuan kesusasteraan tidak dikorbankan atas nama moral, tetapi sebaliknya disepadukan. Hal ini diungkapkan dengan jelas dalam sukatan pelajaran Kesusasteraan Melayu Tingkatan IV dan V (1991) seperti berikut:

Matlamat pendidikan Kesusasteraan Melayu adalah untuk membolehkan pelajar-pelajar menjiwai unsur-unsur dan nilai-nilai murni dari segi kerohanian, kemanusiaan, kemasyarakatan, kebudayaan dan kewarganegaraan; menanam rasa bangga dan cinta akan tanah air dalam satu wawasan budaya kebangsaan yang dihasratkan, serta mengimbangkan perlakuan dan sahsiah diri mereka secara harmonis untuk memainkan peranan yang berkesan sebagai anggota masyarakat Malaysia. Pendidikan Kesusasteraan Melayu juga bertujuan membimbing pelajar-pelajar untuk menghayati, menghargai, mencintai dan membanggakan bahasa dan kesusasteraan dengan berfikir secara analitis, kritis dan kreatif serta memupuk pembinaan cita rasa sastera.

(Sukatan Pelajaran Kesusasteraan Melayu
Tingkatan IV dan V, 1991: 4)

Brahim (1968) telah membincangkan tentang unsur nilai dalam drama dan kesannya terhadap emosi remaja. Menurutnya, emosi remaja bertindak balas terhadap rangsangan-rangsangan yang diterimanya. Jika rangsangan yang diterima itu adalah baik akan menguntungkan emosiya, sebaliknya rangsangan yang buruk akan merugikan pembentukan peribadinya. Bimbingan terhadap emosi memerlukan penjelasan-penjelasan dan keterangan dengan cara yang amat bijaksana, tetapi ini sukar dilakukan kerana remaja sering kali merupakan individu yang tertutup. Oleh yang demikian, bimbingan dan pendidikan nilai melalui kesusasteraan merupakan cara yang paling sihat.

Mana Sikana (1990) berpendapat setiap karya harus ada unsur-unsur moral di dalamnya. Moral yang ditekankan ialah aspek-aspek pendidikan iaitu menanamkan bibit pengajaran dalam membentuk sahsiah dan keperibadian pelajar itu. Karya-karya yang sesuai ialah karya yang dapat memberikan mereka daya memilih, iaitu memilih mana yang buruk dan jahat. Justeru itu 'puitic justice' sangatlah mustahak dan perlu

dikerapkan. Menurutnya, sastra (drama) sebagai sebuah media yang mempunyai nilai yang sangat luas dan penting yang bukan sahaja untuk mengajar sifat-sifat keberanian, kepintaran, hormat-menghormati dan rajin tetapi juga sebagai tempat mengunggulkan sahsiah atau keperibadian secara menyeluruh.

Abdul Ahmad (1998: 14) menganggap penerapan nilai murni adalah teras pengkaryaan dan merupakan sesuatu yang perlu dan suatu tanggungjawab sosial yang amat tidak wajar diabaikan dalam sastra untuk remaja. Penerapan nilai murni akan dapat memperhalus pekerti remaja, akan menyegarsuburkan jiwa mereka, akan dapat melonjakutuhkan lagi semangat juang mereka, dan dapat menjinaklunakkan lagi salah tingkah mereka. Hal ini, secara sedar atau bawah sedar, akan membantu pembinaan sahsiah mereka, dan sekali gus menjadi penawar bagi meredakan gelora krisis identiti yang seseorang insan pasti alami ketika melewati zaman remaja. Oleh kerana jiwa remaja cukup sensitif dan juga egoistis, maka kaedah yang digunakan hendaklah secara cukup halus, wajar dan berimbang.

Misran Rokiman (1999) membincangkan kepentingan pendidikan kesusasteraan dalam era globalisasi. Beliau menyanggah pendapat yang menyatakan bahawa kesusasteraan adalah alat hiburan dan wadah seniman, melampiasakan khayalan dan imaginasi semata-mata, dan mata pelajaran kesusasteraan yang diajar di sekolah hanya diambil oleh pelajar yang lemah sahaja. Menurutny kesusasteraan adalah pembentuk nilai kemanusiaan dan pembina pemikiran masyarakat. Ilmu pengetahuan yang ditawarkan dalam sastra adalah bersifat nilai dalaman dan boleh dijadikan penyaring kehidupan manusia yang dapat membezakan antara yang baik dengan yang buruk.

Selanjutnya ilmu yang diterapkan itu membantu manusia memahami diri sendiri hasil dari pengalaman orang lain, serta membantu mengawal emosi.

Manusia akan tewas jika tidak dipersiapkan dengan ketahanan jiwa yang kukuh dalam arus perkembangan yang berorientasikan budaya kebendaan, budaya industri dan teknologi. Oleh itu peranan kesusasteraan dalam mengimbangi antara tuntutan material dan tuntutan spiritual tidak boleh diketepikan. Malah beliau mencadangkan agar mata pelajaran kesusasteraan dijadikan mata pelajaran yang wajib dipelajari di sekolah tanpa mengira latar belakang sosial dan aliran pelajaran yang diikuti oleh pelajar.

Menurut Md. Salleh Yaapar (2001), kemajuan dalam bidang sains dan teknologi masa kini jika tidak diimbangi dengan bidang kemanusiaan dan kemasyarakatan boleh membawa kepada keadaan yang tempang dan pincang yang akhirnya akan memusnahkan dan meruntuhkan peradaban manusia. Sehubungan itu, sastera sebagai penyubur jiwa manusia merupakan penyempurna kepada sumbangan dan peranan dari bidang teknologi dan ekonomi yang umumnya bersifat material. Menurutny dalam konteks membina peradaban Malaysia abad ke-21 ini, kemakmuran dan kesejahteraan yang sebenar akan dapat dicapai melalui sumbangan yang diberikan oleh sastera yang benar-benar unggul, iaitu sastera:

‘... yang mempunyai nilai-nilai keindahan dan kejiwaan yang abadi, dan benar-benar boleh membawa kesejahteraan kepada masyarakat Malaysia dan manusia sejagat. Tidak seni dan sastera yang hanya berupaya membawa gratifikasi estetik semata, atau keseronokan apa saja.’

(Md. Salleh Yaapar, 2001: 10-11)

2.3 ULASAN KAJIAN YANG LEPAS

Kajian-kajian berbentuk analisis kandungan telah banyak dijalankan sama ada di dalam mahupun di luar negara. Dalam tinjauan literatur ini, pangkaji hanya akan membincangkan beberapa contoh kajian yang berkaitan dengan buku teks sekolah sebagai gambaran landasan kajian yang dijalankan.

Sooyeon C. Suh (1988) telah menjalankan kajian berkaitan dengan ideologi di dalam teks-teks moral dan Pengajian Sosial di Korea Selatan. Tujuan kajiannya adalah untuk melihat pengaruh sesuatu sistem pemerintahan terhadap kandungan kurikulum sekolah rendah. Kajiannya dibahagikan kepada dua peringkat iaitu dari tahun 1964 – 1972 dan dari tahun 1973 – 1982. Penetapan pada dua peringkat ini adalah berdasarkan faktor berikut:

- a) Penyemakan kurikulum buku teks sekolah pada tahun 1964 di bawah sistem pemerintahan "*Third Republic*".
- b) Penyemakan kurikulum buku teks sekolah kali kedua pada tahun 1973 di bawah sistem pemerintahan Yushin (1972 – 1979).

Kajiannya melibatkan kesemua buku-buku teks moral dan pengajian sosial tanpa membuat persampelan. Tahap sekolah rendah dipilih kerana peringkat ini merupakan peringkat wajib persekolahan, manakala mata pelajaran moral dan pengajian sosial merupakan mata pelajaran yang mempunyai kandungan ideologi yang paling tinggi. Pengkategorian ideologi adalah berdasarkan definisi konseptual ideologi. Setiap muka

surat buku teks dikodkan untuk menentukan sama ada wujud atau tidak penanda-penanda ideologi. Hasil kajiannya mendapati:

1. 42% dari keseluruhan muka surat buku teks pada tahun 1964 dan 44% pada buku teks tahun 1973 mengandungi unsur ideologi pemerintahan semasa. Buku-buku teks moral mengandungi lebih dua kali ganda unsur ideologi pemerintahan berbanding dengan buku-buku pengajian sosial.
2. Kandungan ideologi-ideologi meningkat dengan peningkatan gred persekolahan bagi kedua-dua peringkat.
3. Pada setiap peringkat, penegasan ideologi adalah relatif dengan sesuatu sistem pemerintahan semasa dan terdapat perubahan penegasan ideologi di antara kedua-dua sistem pemerintahan tersebut.

Jeffrey F. Meyer (1988) mengkaji kandungan buku-buku teks sekolah rendah dan menengah di Taiwan dan Republik Rakyat China dari aspek penerapan unsur-unsur moral. Beliau telah menggunakan kaedah analisis tema dan analisis kandungan dalam kajiannya. Menurutnya, di Taiwan pengajaran nilai disampaikan secara langsung dalam mata pelajaran sivik dan moral. Kajiannya terhadap buku-buku teks yang lain, khususnya buku-buku bahasa bagi sekolah rendah dan kesusasteraan bagi sekolah menengah rendah mendapati unsur-unsur nilai diterapkan secara tidak langsung yang merangkumi hampir keseluruhan pelajaran.

Unsur nilai dalam teks-teks tersebut adalah berdasarkan ajaran Confucious tradisional yang diubahsuai selaras dengan keperluan-keperluan moden. Nilai

patriotisme merupakan nilai paling tinggi frekuensinya di dalam buku-buku teks tersebut. Penerapan nilai ini berkaitan dengan aspek-aspek keselamatan yang bertujuan untuk menguatkan benteng pertahanan bagi menentang kemungkinan serangan dari Republik Rakyat China yang ingin merampas kembali Taiwan.

Penekanan nilai kumpulan lebih diutamakan daripada nilai individu. Unsur nilai ini telah diulang berkali-kali di dalam buku-buku teks tersebut. Malah nilai-nilai yang biasanya dikaitkan dengan nilai individu seperti kejujuran, keberanian dan kebijaksanaan dijelaskan dalam konteks untuk kebaikan kumpulan. Hal ini selaras dengan pegangan masyarakat bahawa seseorang individu itu hendaklah berkorban demi untuk kepentingan masyarakat.

Kajian Meyer (1988) terhadap kandungan buku-buku teks sekolah di China menggunakan kaedah yang sama seperti yang dijalankan di Taiwan. Beliau telah membahagikan kajian perkembangan pendidikan moral di China kepada tiga peringkat, iaitu peringkat pertama dari tahun 1949 hingga Revolusi Kebudayaan, peringkat kedua adalah peringkat Revolusi Kebudayaan (1966 – 1979) dan peringkat ketiga dari tahun 1977 hingga semasa (1988).

Menurutnya, pada peringkat pertama pendidikan moral telah dijalankan melalui kelas-kelas bahasa dan kesusasteraan. Matlamat pengajaran bahasa dan kesusasteraan adalah untuk menyuburkan etika dan tingkah laku yang baik melalui perubahan secara halus. Oleh itu, kandungan buku-buku tersebut adalah merupakan penunjuk program perkembangan moral pihak pemerintah. Pada peringkat ini, teras nilai-nilainya telah

dirumuskan dalam pendidikan "*Five Loves*" iaitu: cintakan negara, cintakan golongan buruh, cintakan sains, cintakan masyarakat dan perlindungan harta awam. Menurut Pelaksanaan pendidikan "*Five Love*" ini bukanlah tanggungjawab guru-guru bahasa sahaja tetapi merupakan tugas semua guru.

Tiga tema atau matlamat utama pelajaran pada peringkat ini ialah maklumat, politik dan tingkah laku, di mana penumpuan yang lebih diberikan terhadap matlamat-matlamat yang berkaitan dengan politik dan tingkah laku. Sepuluh tema yang mempunyai frekuensi paling tinggi di dalam buku-buku teks tersebut adalah seperti berikut: (1) ketaatan kepada masyarakat; (2) kesediaan berbakti kepada masyarakat; (3) keagungan Mao Ze-dong; (4) keburukan China Kuomintang; (5) konflik ketenteraan; (6) konflik sosial; (7) penipuan; (8) cintakan manusia; (9) pembelajaran daripada rakyat jelata; (10) sifat baik masyarakat. Analisis tema ini dengan jelas menunjukkan bahawa kepentingan nilai kumpulan mengatasi kepentingan nilai individu.

Pada peringkat kedua, buku-buku yang boleh diperolehi hanyalah buku-buku politik, matematik dan bahasa. Buku-buku Fiziks, Kaji Hayat, Sejarah dan Geografi dihapuskan di kebanyakan sekolah dan dianggap sebagai tidak berkaitan dengan keperluan semasa. Kajian Meyer mendapati penunjuk pendidikan moral juga didapati melalui buku-buku teks bahasa. Matlamat utama yang ingin disampaikan di dalam buku-buku teks pada peringkat ini adalah untuk mengekalkan kemurnian Marxisme China daripada ancaman kapitalisme, elitisme dan hirarki borikrasi. Kandungan buku-

buku teks menyeru pelajar untuk berbakti kepada masyarakat dan menjadikan impian untuk membentuk masyarakat egalitarian suatu kenyataan.

Terdapat juga perubahan konsep berkaitan dengan nilai yang dimajukan di dalam buku-buku teks tersebut. Wujud kecenderungan untuk mengaitkan nilai-nilai “baik” dengan politik sosialisme, manakala “jahat” dikaitkan dengan masyarakat kapitalis.

Pada peringkat ketiga menyaksikan perubahan-perubahan yang mendadak dalam kandungan buku-buku teks yang digunakan di sekolah. Pada tahun 1979, semua buku-buku teks di seluruh China telah digantikan dengan set buku teks yang baru. Matlamat yang diketengahkan bukanlah lagi kemurnian ideologi, tetapi untuk membawa China kepada standard Dunia Pertama menjelang 2049. Nilai-nilai yang diketengahkan di dalam buku-buku teks sekolah tidak lagi berbentuk nilai egalitarian tetapi nilai yang sesuai dengan pembaharuan-pembaharuan ekonomi yang dijalankan. Walau pun keunggulan Marxime tidak diketepikan, usaha-usaha telah dilakukan bagi memperkukuhkan ideologi dan pendidikan moral di samping penekanan terhadap pencapaian akademik.

Helen Basturkman (1999) telah menjalankan kajian tentang pegangan teori komunikatif yang terlibat tentang pengajaran bahasa dari aspek teori yang dipercayai dan teori yang diamalkan. Beliau telah memilih “*textbook blurbs*” (penerangan penerbit tentang sesebuah buku) buku teks Bahasa Inggeris sebagai bahan kajiannya. Menurutnya, “*textbook blurbs*” sesebuah buku teks adalah penting bagi memperlihatkan teori yang diamalkan oleh komuniti yang terlibat dengan pengajaran bahasa. Kajiannya

melibatkan penelitian terhadap struktur penyusunan "*textbook blurbs*" sesebuah buku teks itu pada peringkat makro dan kandungannya dari segi kekerapan perkataan dan aturan angka abjad dalam buku (*concordances*) pada peringkat mikro. Tujuan kajiannya adalah untuk mengenal pasti kepercayaan yang diamalkan oleh komuniti yang terlibat dalam pengajaran Bahasa Inggeris di New Zealand.

Kajian ini menggunakan korpus yang terdapat pada "*textbook blurbs*" tujuh buah buku teks Bahasa Inggeris yang paling laris di New Zealand. Teks-teks tersebut diteliti organisasi pola-pola penyusunannya menggunakan pendekatan analisis genre. Dalam menganalisis organisasi penyusunan itu, pengkategorianya adalah berdasarkan kepada definisi operationalnya tentang "gerakan" dan "langkah". "Gerakan" adalah suatu peringkat yang mempunyai tujuan komunikasi yang kecil dan khusus, yang menyumbang kepada tujuan utama komunikasi dalam genre tersebut. Manakala "langkah" merupakan unit yang membekalkan maklumat tambahan tentang perkara-perkara yang dikembangkan oleh penulis. Perkataan-perkataan yang menggambarkan "gerakan" kemudian dikira frekuensinya dan disusun mengikut urutan bilangan frekuensi yang paling tinggi hingga ke rendah. Hasil dapatan ini digunakan bagi membuat inferen kandungan buku yang menggambarkan teori yang diamalkan. Hasil kajiannya mendapati:

1. Komuniti yang terlibat dengan pengajaran Bahasa Inggeris tidak berpegang dengan suatu teori yang tertentu.
2. Komuniti yang terlibat dengan pengajaran Bahasa Inggeris cenderung kepada penyelesaian yang bersifat praktis berkaitan dengan bahan teks.

3. Komuniti yang terlibat dengan pengajaran Bahasa Inggeris beranggapan bahawa bahasa adalah sesuatu yang berteraskan struktur-struktur tatabahasa dan perbendaharaan kata.
4. Komuniti yang terlibat dengan pengajaran Bahasa Inggeris cenderung menggunakan teknik dan amalan-amalan teori kognitif dalam pembelajaran bahasa.
5. Pengajaran Bahasa Inggeris memerlukan bahan-bahan yang boleh memainkan pelbagai peranan dan input yang segar serta berasaskan kehidupan sebenar.

Di Malaysia, kajian yang dijalankan oleh Habib Mat Som (1994) bertujuan untuk melihat sejauhmana buku teks yang digunakan di sekolah dapat menyalurkan nilai-nilai murni di kalangan pelajar dalam konteks penerapan nilai murni merentasi kurikulum. Kajian yang menggunakan buku teks Bahasa Melayu Tahap Dua adalah untuk mengenal pasti keseimbangan taburan nilai murni KBSR di dalam buku-buku teks tersebut.

Instrumen kajian yang digunakan ialah borang penilaian, senarai semak kategori nilai utama dan jadual semakan sub-kategori. Di samping itu, pengkaji juga menggunakan analisis anekdot bagi melihat aspek-aspek lain mengenai nilai murni yang terdapat dalam teks. Data-data yang diperolehi dianalisis berdasarkan taburan kekerapan dan peratusannya. Hasil kajiannya menunjukkan:

1. Taburan nilai-nilai murni kategori utama tidak ditampikan secara seimbang. Nilai yang paling popular penampilannya adalah sikap hormat menghormati dan sikap rajin. Sikap adil, tidak angkuh dan kebebasan merupakan nilai yang paling tidak popular.
2. Bagi nilai-nilai sub kategori, nilai yang paling popular adalah semangat menghargai dan sikap murah hati memberi kerjasama dan pertolongan. Nilai-nilai denda setimpal dengan perbuatan, bercakap benar dalam semua situasi dan tidak memandang hina mereka yang tidak bernasib baik tidak disentuh langsung.

Rumusan kajiannya menunjukkan semua teks Bahasa Melayu sekolah rendah pada peringkat tahap dua tidak menyalurkan semua nilai murni yang dicadangkan oleh Kementerian Pendidikan dalam mata pelajaran tersebut secara seimbang.

Kajian Ahmad Jusoh (1996) bertujuan untuk mengenal pasti kualiti buku teks Pendidikan Islam Tingkatan 1-3 dari segi ilustrasi dan isi kandungan. Data dikumpul menggunakan sebuah instrumen yang dibentuk berdasarkan idea Barat dan tempatan yang dinamakan “Analisis Kualiti Buku Teks”. Data yang dikumpul melalui instrumen dan data anekdot dianalisis secara kekerapan dan naratif. Sampel yang digunakan ialah buku teks Pendidikan Islam Tingkatan 1, 2 dan 3. Hasil kajiannya menunjukkan:

1. Keseluruhan buku teks Pendidikan Islam Tingkatan 1, 2 dan 3 lebih mengutamakan isi pelajaran daripada ilustrasi, tiada sebarang objek sokongan yang ditampikan di dalam buku teks tersebut.

2. Taburan subkategori jenis ilustrasi dan jenis isi pelajaran tidak seimbang antara satu sama lain.
3. Terdapat penekanan yang berbeza antara isi pelajaran dengan ilustrasi di dalam buku teks Pendidikan Islam Tingkatan 1, 2 dan 3.
4. Penekanan isi pelajaran adalah lebih tinggi di dalam buku teks Tingkatan 1 dan 3, manakala ilustrasi pula lebih ditumpukan dalam buku teks Tingkatan 1 berbanding dengan Tingkatan 2 dan 3.

Rumusan kajiannya menunjukkan buku teks Pendidikan Islam Tingkatan 2 dan 3 lebih mengutamakan isi pelajaran daripada ilustrasi, manakala penyampaian isi-isi pelajaran pula lebih banyak menggunakan bentuk penerangan.

Kajian yang dijalankan oleh Saedah Siraj (1990) bertujuan untuk melihat sejauh manakah stereotaip jantina terdapat dalam pendidikan Malaysia. Kajian yang menggunakan "*Culturally Responsive Code*" untuk bahan teks berilustrasi menggunakan sampel buku-buku Bahasa Melayu dari darjah dua hingga enam yang mengandungi 149 cerita dan 190 gambar. Kajiannya mendapati terdapat stereotaip jantina dalam di buku teks bertulis dan ilustrasi di dalam buku teks tersebut menampilkan kehadiran lelaki melebihi perempuan. Gambaran yang tinggi diberikan kepada kaum lelaki dengan memaparkan lelaki mempunyai kedudukan yang tinggi, berkuasa, berkebolehan dan pintar, berperibadi, baik, tekun dan berdisiplin. Manakala jantina perempuan pula tidak memaparkan sebarang peranan dan status kaum wanita di Malaysia.